

**KONVENSIEN TENTANG PENGHAPUSAN
SEGALA BENTUK DISKRIMINASI TERHADAP
WANITA**

**PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU
1980**

Konvensyen tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita

Negara-Negara Ahli bagi Konvensyen ini,

Mengambil maklum bahawa Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menegaskan semula keyakinan terhadap hak asasi manusia, maruah dan harga diri manusia serta hak sama rata bagi lelaki dan wanita,

Mengambil maklum bahawa Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat menegaskan prinsip ketidakbolehterimaan diskriminasi dan mengisytiharkan bahawa semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi maruah dan hak dan bahawa setiap orang berhak mendapat semua hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan itu, tanpa apa-apa jenis pembezaan, termasuk pembezaan berdasarkan jantina,

Mengambil maklum bahawa Negara-Negara Ahli bagi Waad Antarabangsa tentang Hak Asasi Manusia mempunyai obligasi untuk memastikan hak sama rata bagi lelaki dan wanita untuk menikmati semua hak ekonomi, sosial, budaya, sivil dan politik,

Mempertimbangkan konvensyen antarabangsa yang disempurnakan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi khusus yang menggalakkan kesamarataan hak bagi lelaki dan wanita,

Mengambil maklum juga tentang ketetapan, perisytiharan dan syor yang diterima oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi khusus yang menggalakkan kesamarataan hak bagi lelaki dan wanita,

Walau bagaimanapun, prihatin bahawa diskriminasi terhadap wanita masih terus berlaku meskipun terdapat pelbagai instrumen ini,

Mengingat kembali bahawa diskriminasi terhadap wanita melanggar prinsip kesamarataan hak dan rasa hormat kepada maruah manusia, menjadi halangan kepada pelibatan wanita, yang sama tara dengan lelaki, dalam kehidupan politik, sosial, ekonomi dan budaya di negara mereka, menghalang pertumbuhan masyarakat dan keluarga yang sejahtera dan menyukarkan lagi pembangunan potensi wanita yang sepenuhnya dalam berkhidmat untuk negara mereka dan untuk kemanusiaan,

Bimbang bahawa dalam situasi kemiskinan, wanita mempunyai akses yang paling sedikit kepada makanan, kesihatan, pendidikan, latihan dan peluang pekerjaan serta keperluan lain,

Berkeyakinan bahawa pembangunan susunan ekonomi antarabangsa yang baharu berdasarkan kesaksamaan dan keadilan akan memberikan sumbangan yang amat besar kepada penggalakan kesamarataan antara lelaki dengan wanita,

Menekankan bahawa pembasmian apartheid, segala bentuk rasisme, diskriminasi kaum, faham penjajahan, faham kolonial baharu, pencerobohan, pendudukan dan penguasaan serta campur tangan asing dalam hal ehwal dalaman Negara adalah penting supaya hak lelaki dan wanita dapat dinikmati sepenuhnya,

Menegaskan bahawa pengukuhan keamanan dan keselamatan antarabangsa, pengurangan ketegangan antarabangsa, saling bekerjasama dalam kalangan semua Negara tanpa mengira sistem sosial dan sistem ekonomi mereka, gencatan senjata secara am atau sepenuhnya, dan khususnya gencatan senjata nuklear di bawah kawalan antarabangsa yang ketat dan berkesan, pengesahan prinsip keadilan, kesamarataan dan manfaat bersama dalam hubungan antara negara serta merealisasikan hak rakyat di bawah penguasaan asing dan penjajah dan pendudukan asing kepada penentuan sendiri dan kemerdekaan, dan juga menghormati kedaulatan negara dan keutuhan wilayah, akan menggalakkan kemajuan dan pembangunan sosial dan, oleh sebab itu, akan menyumbang kepada pencapaian kesamarataan antara lelaki dan wanita yang sepenuhnya,

Meyakini bahawa pembangunan sebuah negara secara menyeluruh dan sepenuhnya, kesejahteraan dunia dan asas keamanan memerlukan pelibatan maksimum wanita yang sama tara dengan lelaki dalam semua bidang,

Mengingati sumbangan besar wanita kepada kebajikan keluarga dan kepada pembangunan masyarakat, yang setakat ini belum diiktiraf dengan sepenuhnya, kepentingan status ibu dari segi sosial dan peranan kedua-dua ibu bapa dalam keluarga dan dalam didikan anak-anak, dan menyedari bahawa peranan wanita dalam melahirkan zuriat tidak boleh dijadikan asas bagi diskriminasi akan tetapi didikan anak-anak memerlukan perkongsian tanggungjawab antara lelaki dengan wanita dan masyarakat secara keseluruhannya,

Menyedari bahawa suatu perubahan dalam peranan lelaki secara tradisional dan juga peranan wanita dalam masyarakat dan dalam keluarga diperlukan untuk mencapai sepenuhnya kesamarataan antara lelaki dengan wanita,

Memutuskan untuk melaksanakan prinsip yang dinyatakan dalam Perisytiharan tentang "Penghapusan Diskriminasi terhadap Wanita" dan, bagi maksud itu, untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi penghapusan diskriminasi sedemikian dalam segala bentuk dan peryataannya,

Bersetuju tentang yang berikut:

BAHAGIAN I

Perkara 1

Bagi maksud Konvensyen ini, istilah “diskriminasi terhadap wanita” hendaklah bererti apa-apa pembezaan, pengecualian atau sekatan yang dibuat berdasarkan jantina yang mempunyai kesan atau tujuan untuk merosakkan atau membatalkan pengiktirafan, penikmatan atau pelaksanaan hak asasi manusia dan kebebasan asasi dalam bidang politik, ekonomi, sosial, budaya, sivil atau apa-apa bidang lain oleh wanita, tanpa mengira taraf perkahwinannya, atas dasar kesamarataan bagi lelaki dan wanita,

Perkara 2

Negara-Negara Ahli mengecam diskriminasi terhadap wanita segala bentuknya, bersetuju untuk mengadakan dengan segala cara yang sesuai dan tanpa kelengahan suatu dasar yang menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dan, bagi maksud ini, mengaku janji:

(a) Untuk memasukkan prinsip kesamarataan bagi lelaki dan wanita dalam perlembagaan negara mereka atau mana-mana perundangan lain yang sesuai jika belum dimasukkan ke dalamnya dan untuk memastikan, melalui undang-undang dan cara lain yang sesuai, pencapaian prinsip ini yang praktikal;

(b) Untuk menerima pakai langkah-langkah perundangan dan langkah lain yang sesuai, termasuk sekatan jika sesuai, yang melarang semua diskriminasi terhadap wanita;

(c) Untuk mewujudkan perlindungan dari segi perundangan ke atas hak wanita atas dasar sama rata dengan lelaki dan untuk memastikan perlindungan wanita yang berkesan terhadap apa-apa perbuatan diskriminasi melalui tribunal kebangsaan yang berwibawa dan institusi awam lain.

(d) Untuk mengelak daripada terlibat dalam apa-apa perbuatan atau amalan diskriminasi terhadap wanita dan untuk memastikan yang pihak berkuasa dan institusi awam akan bertindak selaras dengan kewajipan ini;

(e) Untuk mengambil semua langkah yang sesuai bagi menghapuskan diskriminasi terhadap wanita oleh mana-mana orang, organisasi atau perusahaan;

(f) Untuk mengambil semua langkah yang sesuai, termasuk dari segi perundangan, untuk meminda atau memansuhkan undang-undang, peraturan-peraturan, adat dan amalan sedia ada yang mendiskriminasikan wanita;

(g) Untuk memansuhkan semua peruntukan penal negara yang mendiskriminasikan wanita.

Perkara 3

Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai, termasuk dari segi perundangan, dalam semua bidang, khususnya dalam bidang politik, sosial, ekonomi dan budaya, untuk memastikan pembangunan dan kemajuan wanita yang sepenuhnya, bagi tujuan menjamin mereka dapat menjalankan dan menikmati hak asasi manusia dan kebebasan asasi atas dasar kesamarataan dengan lelaki.

Perkara 4

1. Penerimaan langkah-langkah khas sementara oleh Negara-Negara Ahli dengan bertujuan untuk mempercepatkan kesamarataan de facto antara lelaki dengan wanita tidak boleh dianggap sebagai diskriminasi sebagaimana yang ditakrifkan dalam Konvensyen ini, tetapi tidak boleh dengan apa-apa cara menjadi suatu sebab untuk mengekalkan standard tidak sama rata dan berasingan; langkah-langkah ini hendaklah dihentikan apabila objektif kesamarataan peluang dan pelakuan telah dicapai.

2. Penerimaan langkah-langkah khas oleh Negara-Negara Ahli, termasuk langkah-langkah yang terkandung dalam Konvensyen ini, yang bertujuan untuk melindungi status ibu tidak boleh dianggap sebagai diskriminasi.

Perkara 5

Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai:

(a) Untuk mengubah suai pola tingkah laku sosial serta budaya lelaki dan wanita, dengan tujuan untuk menghapuskan prasangka serta amalan budaya dan semua amalan lain yang didasarkan kepada idea rendah diri atau tinggi diri oleh mana-mana jantina atau peranan lelaki dan wanita yang stereotaip.

(b) Untuk memastikan bahawa pendidikan keluarga merangkumi pemahaman yang sepatutnya tentang status ibu sebagai fungsi sosial dan pengiktirafan tanggungjawab bersama lelaki dan wanita dalam didikan dan perkembangan anak-anak mereka, yang difahami bahawa kepentingan anak-anak ialah pertimbangan utama dalam semua hal.

Perkara 6

Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai, termasuk dari segi perundangan, untuk menyekat semua bentuk perdagangan wanita dan eksploitasi pelacuran wanita.

BAHAGIAN II

Perkara 7

Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dalam kehidupan politik dan masyarakat di negara itu dan, khususnya, hendaklah memastikan wanita, mendapat hak yang sama tara dengan lelaki:

(a) Untuk mengundi dalam semua pilihan raya dan referendum awam dan layak dipilih untuk menganggotai semua badan yang pemilihannya dibuat secara terbuka;

(b) Untuk mengambil bahagian dalam penggubalan dasar kerajaan dan pelaksanaannya dan untuk memegang jawatan awam dan melaksanakan semua fungsi awam pada semua peringkat dalam kerajaan;

(c) Untuk mengambil bahagian dalam organisasi dan persatuan bukan kerajaan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat dan politik di negara itu.

Perkara 8

Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai untuk memastikan wanita, atas dasar sama tara dengan lelaki dan tanpa apa-apa diskriminasi, mendapat peluang untuk mewakili Kerajaannya pada peringkat antarabangsa dan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti organisasi antarabangsa.

Perkara 9

1. Negara-Negara Ahli hendaklah memberi wanita hak yang sama dengan lelaki untuk mendapatkan, menukar atau mengekalkan kerakyatannya. Secara khususnya, Negara-Negara Ahli hendaklah memastikan bahawa baik perkahwinan dengan seseorang warga asing mahupun penukaran kerakyatan suami semasa perkahwinan tidak boleh secara automatik menukar kerakyatan isteri, menyebabkan beliau tidak bernegara atau memaksanya memilih kerakyatan suami.

2. Negara-Negara Ahli hendaklah memberi wanita hak yang sama dengan lelaki berkenaan dengan kerakyatan anak-anak mereka.

BAHAGIAN III

Perkara 10

Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita supaya dapat memastikan mereka memperoleh hak yang sama dengan lelaki dalam bidang pendidikan dan secara khususnya untuk memastikan, atas dasar kesamarataan bagi lelaki dan wanita:

(a) Syarat-syarat yang sama bagi bimbingan kerjaya dan pekerjaan, bagi akses kepada pelajaran dan bagi memperoleh diploma di institusi pendidikan daripada semua kategori di kawasan luar bandar dan juga di kawasan bandar; kesamarataan ini hendaklah dijamin dalam pendidikan prasekolah, umum, teknik, profesional dan teknik tinggi, dan juga dalam semua jenis latihan pekerjaan;

(b) Akses kepada kurikulum yang sama, peperiksaan yang sama, tenaga pengajar yang mempunyai taraf kelayakan yang sama serta premis dan peralatan sekolah yang mempunyai kualiti yang sama;

(c) Penghapusan apa-apa konsep yang stereotaip tentang peranan lelaki dan wanita pada semua peringkat dan dalam segala bentuk pendidikan dengan menggalakkan pendidikan campuran dan jenis pendidikan lain yang akan membantu untuk mencapai tujuan ini dan, khususnya, melalui semakan semula buku teks dan program sekolah dan penyesuaian kaedah pengajaran;

(d) Peluang yang sama untuk memperoleh manfaat daripada biasiswa dan geran pengajian lain;

(e) Peluang yang sama untuk mengikuti program pendidikan lanjutan, termasuk program literasi dewasa dan fungsian, khususnya yang bertujuan untuk mengurangkan, dengan seawal mungkin, apa-apa jurang dalam pendidikan yang wujud antara lelaki dengan wanita;

(f) Pengurangan kadar keciciran pelajar perempuan dan penyusunan program bagi kanak-kanak perempuan dan wanita yang meninggalkan sekolah terlalu awal;

(g) Peluang yang sama untuk menyertai aktiviti sukan dan pendidikan jasmani secara aktif;

(h) Akses kepada maklumat pendidikan khusus untuk membantu menjamin kesihatan dan kesejahteraan keluarga, termasuk maklumat dan nasihat berkenaan dengan perancangan keluarga.

Perkara 11

1. Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dalam bidang pekerjaan supaya dapat memastikan, atas dasar kesamarataan bagi lelaki dan wanita, hak yang sama, khususnya:

- (a) Hak untuk bekerja sebagai suatu hak tak terpisah bagi semua manusia;
- (b) Hak untuk mendapat peluang pekerjaan yang sama, termasuk pemakaian kriteria yang sama bagi pemilihan dalam semua perkara tentang pekerjaan;
- (c) Hak untuk memilih profesion dan pekerjaan dengan bebas, hak untuk kenaikan pangkat, jaminan pekerjaan dan semua manfaat dan syarat perkhidmatan dan hak untuk menerima latihan pekerjaan dan latihan semula, termasuk perantisan, latihan lanjutan pekerjaan dan latihan berulang;
- (d) Hak untuk mendapat saaraan yang sama, termasuk manfaat, dan mendapat perlakuan yang sama berkenaan dengan kerja yang mempunyai nilai yang sama, dan juga mendapat layanan yang sama rata dalam penilaian kualiti kerja;
- (e) Hak untuk mendapat perlindungan sosial, khususnya dalam hal persaraan, hilang pekerjaan, keuzuran, hilang keupayaan dan usia tua dan ketidakupayaan untuk bekerja yang lain, dan juga hak untuk mendapat cuti bergaji;
- (f) Hak untuk mendapat perlindungan kesihatan dan keselamatan semasa bekerja, termasuk perlindungan fungsi reproduksi.

2. Bagi mencegah diskriminasi terhadap wanita atas alasan perkahwinan atau status ibu dan untuk menjamin hak pekerjaan mereka dengan berkesan, Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil langkah yang sesuai:

- (a) Untuk melarang, tertakluk kepada pengenaan sekatan, pemecatan atas alasan kehamilan atau cuti bersalin dan diskriminasi dalam pemecatan atas dasar taraf perkahwinan;
- (b) Untuk memperkenalkan cuti bersalin bergaji atau dengan manfaat sosial yang setara tanpa kehilangan pekerjaan asal, kekananan atau elaun sosial;
- (c) Untuk menggalakkan penyediaan sokongan sosial yang perlu. Perkhidmatan untuk membolehkan ibu bapa menggabungkan kewajipan keluarga dengan tanggungjawab kerja dan mengambil bahagian dalam kehidupan masyarakat, khususnya

dengan menggalakkan penubuhan dan perkembangan suatu rangkaian kemudahan jagaan kanak-kanak;

(d) Untuk mengadakan perlindungan khas untuk wanita semasa kehamilan bagi jenis-jenis kerja yang terbukti membahayakan mereka.

3. Perundangan perlindungan yang berhubungan dengan hal yang terangkum dalam perkara ini hendaklah dikaji semula secara berkala berdasarkan pengetahuan saintifik dan teknologi dan hendaklah disemak semula, dimansuhkan atau diperluaskan sebagaimana yang perlu.

Perkara 12

1. Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dalam bidang jagaan kesihatan supaya dapat memastikan, atas dasar kesamarataan bagi lelaki dan wanita, akses kepada perkhidmatan jagaan kesihatan, termasuk yang berhubung dengan perancangan keluarga.

2. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 perkara ini, Negara-Negara Ahli hendaklah memastikan wanita mendapat perkhidmatan yang sesuai berkaitan dengan kehamilan, waktu berpantang dan tempoh selepas bersalin, yang memberikan perkhidmatan secara percuma jika perlu, dan juga pemakanan yang mencukupi semasa kehamilan dan penyusuan.

Perkara 13

Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dalam bidang kehidupan ekonomi dan sosial yang lain supaya dapat menjamin, atas dasar kesamarataan bagi lelaki dan wanita, hak yang sama, khususnya:

- (a) Hak mendapat manfaat keluarga;
- (b) Hak mendapat pinjaman bank, gadai janji dan bentuk pinjaman kewangan lain;
- (c) Hak untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rekreasi, sukan dan semua aspek kehidupan budaya.

Perkara 14

1. Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil kira masalah tertentu yang dihadapi wanita luar bandar dan peranan penting yang dimainkan oleh wanita luar bandar dalam kelangsungan ekonomi keluarga mereka, termasuk pekerjaan mereka dalam sektor ekonomi tanpa wang, dan hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai untuk memastikan pemakaian peruntukan Konvensyen ini bagi wanita di luar bandar.

2. Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita di luar bandar supaya dapat memastikan, atas dasar kesamarataan bagi lelaki dan wanita, bahawa mereka mengambil bahagian dalam pembangunan luar bandar dan mendapat manfaat daripadanya, khususnya, hendaklah menjamin wanita tersebut mendapat hak:

(a) Untuk mengambil bahagian dalam memperincikan dan melaksanakan perancangan pembangunan pada semua peringkat;

(b) Untuk mempunyai akses kepada kemudahan jagaan kesihatan yang mencukupi, termasuk maklumat, kaunseling dan perkhidmatan perancangan keluarga;

(c) Untuk mendapat manfaat secara langsung daripada program perlindungan sosial;

(d) Untuk memperoleh semua jenis latihan dan pendidikan, formal atau tidak formal, termasuk yang berhubungan dengan literasi fungsian, dan juga, antara lain, manfaat daripada khidmat masyarakat dan lanjutan, supaya dapat meningkatkan kecekapan teknikal mereka;

(e) Untuk mengadakan kumpulan dan syarikat koperasi usaha diri supaya dapat memperoleh akses yang sama kepada peluang ekonomi melalui pekerjaan atau dengan bekerja sendiri;

(f) Untuk menyertai semua aktiviti kemasyarakatan;

(g) Untuk mempunyai akses kepada kredit dan pinjaman pertanian, kemudahan pemasaran, teknologi yang sesuai serta perlakuan sama rata dalam reformasi tanah dan agraria dan juga dalam skim penempatan semula tanah;

(h) Untuk menikmati keadaan hidup yang mencukupi, khususnya berhubung dengan perumahan, sanitasi, bekalan elektrik dan air, pengangkutan dan komunikasi.

BAHAGIAN IV

Perkara 15

1. Negara-Negara Ahli hendaklah memberi wanita hak kesamarataan di sisi undang-undang seperti lelaki.
2. Negara-Negara Ahli hendaklah memberi wanita, dalam perkara sivil, kapasiti undang-undang yang serupa sebagaimana yang diberikan kepada lelaki dan peluang yang sama untuk menjalankan kapasiti itu. Secara khususnya, Negara-Negara Ahli hendaklah memberi wanita hak yang sama rata untuk membuat kontrak dan mentadbir harta dan hendaklah memberikan layanan yang saksama kepada mereka pada semua peringkat prosedur di mahkamah dan tribunal.
3. Negara-Negara Ahli bersetuju bahawa semua kontrak dan semua instrumen persendirian lain dalam apa jua bentuk yang mempunyai kesan undang-undang yang bertujuan untuk menyekat kapasiti undang-undang wanita hendaklah disifatkan terbatal dan tidak sah.
4. Negara-Negara Ahli hendaklah memberi lelaki dan wanita hak yang sama berkenaan dengan undang-undang yang berhubungan dengan pergerakan orang dan kebebasan untuk memilih kediaman dan tempat bermastautin mereka.

Perkara 16

1. Negara-Negara Ahli hendaklah mengambil semua langkah yang sesuai untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dalam semua perkara yang berhubungan dengan perkahwinan dan hubungan kekeluargaan dan khususnya hendaklah menjamin, atas dasar kesamarataan bagi lelaki dan wanita:
 - (a) Hak yang sama untuk berkahwin;
 - (b) Hak yang sama untuk memilih pasangan secara bebas dan berkahwin hanya dengan persetujuan mereka secara bebas dan sepenuhnya;
 - (c) Hak dan tanggungjawab yang sama semasa perkahwinan dan pembubarannya;
 - (d) Hak dan tanggungjawab yang sama sebagai ibu bapa, tanpa mengira taraf perkahwinan mereka, dalam perkara yang berhubungan dengan anak-anak mereka; dalam semua hal kepentingan anak-anak hendaklah menjadi keutamaan;
 - (e) Hak yang sama untuk memutuskan dengan bebas dan bertanggungjawab berkenaan dengan bilangan dan penjarakan anak-anak mereka dan untuk mempunyai

akses kepada maklumat, pendidikan dan cara bagi membolehkan mereka menjalankan hak ini;

(f) Hak dan tanggungjawab yang sama berkenaan dengan penjagaan, kebajikan, peramanahan dan pengangkatan anak-anak, atau institusi serupa yang konsep ini wujud dalam perundangan negara; dalam semua hal kepentingan anak-anak hendaklah menjadi keutamaan;

(g) Hak peribadi yang sama sebagai suami dan isteri, termasuk hak untuk memilih nama keluarga, profesion dan pekerjaan;

(h) Hak yang sama bagi kedua-dua pasangan berkenaan dengan pemilikan, pengambilan, pengurusan, pentadbiran, penikmatan dan pelupusan harta, sama ada secara percuma atau bagi suatu balasan yang berharga.

2. Pertunangan dan perkahwinan seseorang anak tidak mempunyai kesan undang-undang, dan semua tindakan yang perlu, termasuk perundangan, hendaklah diambil untuk menentukan umur minimum bagi perkahwinan dan untuk mewajibkan pendaftaran perkahwinan dalam suatu daftar rasmi.

BAHAGIAN V

Perkara 17

1. Bagi maksud mempertimbangkan kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan Konvensyen ini, suatu Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi terhadap Wanita hendaklah ditubuhkan (kemudian daripada ini disebut sebagai "Jawatankuasa") yang terdiri daripada lapan belas pakar, pada masa Konvensyen ini berkuat kuasa, dan selepas ratifikasi atau kesertaan kepada Konvensyen ini oleh Negara Ahli yang ketiga puluh lima, terdiri daripada dua puluh tiga pakar yang bermoral tinggi dan berwibawa dalam bidang yang diliputi oleh Konvensyen ini. Pakar-pakar ini hendaklah dipilih oleh Negara-Negara Ahli daripada kalangan rakyat mereka dan hendaklah berkhidmat atas sifat peribadi mereka, pertimbangan diberikan kepada pembahagian geografi yang saksama dan kepada bentuk peradaban yang berbeza yang diwakili dan juga sistem perundangan utama.

2. Anggota Jawatankuasa hendaklah dipilih melalui undi rahsia daripada senarai orang yang dicalonkan oleh Negara Ahli. Setiap Negara Ahli boleh mencalonkan seorang daripada kalangan rakyatnya sendiri.

3. Pemilihan awal hendaklah diadakan enam bulan selepas tarikh kuat kuasa Konvensyen ini. Sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh setiap pemilihan, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah menyampaikan surat kepada Negara-Negara Ahli yang mempelawa mereka untuk mengemukakan pencalonan

mereka dalam masa dua bulan. Setiausaha Agung hendaklah menyediakan senarai bagi semua orang yang dicalonkan mengikut urutan abjad, dengan menyatakan Negara-Negara Ahli yang telah mencalonkan mereka, dan hendaklah mengemukakan senarai itu kepada Negara-Negara Ahli.

4. Pemilihan anggota Jawatankuasa hendaklah diadakan pada mesyuarat Negara-Negara Ahli yang dipanggil oleh Setiausaha Agung di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pada mesyuarat itu, yang baginya dua pertiga daripada Negara-Negara Ahli hendaklah membentuk suatu kuorum, orang yang dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa hendaklah calon yang memperoleh bilangan undi terbanyak dan suatu undi majoriti yang mutlak daripada wakil Negara-Negara Ahli yang hadir dan mengundi.

5. Ahli Jawatankuasa akan dilantik untuk tempoh empat tahun. Walau bagaimanapun, tempoh bagi sembilan daripada anggota yang dipilih pada pemilihan pertama hendaklah tamat pada akhir dua tahun; sebaik selepas pemilihan pertama, nama sembilan anggota ini hendaklah dipilih secara undian oleh Pengerusi Jawatankuasa.

6. Pemilihan lima anggota tambahan Jawatankuasa hendaklah diadakan mengikut peruntukan perenggan 2, 3 dan 4 perkara ini, selepas ratifikasi atau kesertaan yang ketiga puluh lima. Tempoh perkhidmatan dua anggota tambahan yang dilantik pada masa ini akan tamat selepas dua tahun, nama kedua anggota ini telah dipilih melalui undian oleh Pengerusi Jawatankuasa.

7. Bagi pengisian kekosongan luar jangka, Negara Ahli yang pakarnya terhenti daripada berfungsi sebagai anggota Jawatankuasa hendaklah melantik pakar lain daripada kalangan rakyatnya, tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa.

8. Anggota Jawatankuasa hendaklah, dengan kelulusan Perhimpunan Agung, menerima emolumen daripada sumber Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menurut terma dan syarat sebagaimana yang diputuskan oleh Perhimpunan, dengan mengambil kira kepentingan tanggungjawab Jawatankuasa.

9. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah menyediakan kakitangan dan kemudahan yang perlu bagi membolehkan fungsi Jawatankuasa di bawah Konvensyen ini dilaksanakan dengan berkesan.

Perkara 18

1. Negara-Negara Ahli mengaku janji untuk mengemukakan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa, suatu laporan berkenaan dengan langkah-langkah perundangan, kehakiman, pentadbiran

atau lain-lain yang diambil mereka untuk melaksanakan peruntukan Konvensyen ini dan berkenaan dengan kemajuan yang dicapai dalam perkara ini:

- (a) Dalam masa satu tahun selepas berkuat kuasa bagi Negara yang berkenaan; dan
 - (b) Selepas itu sekurang-kurangnya setiap empat tahun dan seterusnya apabila Jawatankuasa meminta sedemikian.
2. Laporan boleh menunjukkan faktor dan kesukaran yang menjejaskan tahap penyempurnaan obligasi di bawah Konvensyen ini.

Perkara 19

1. Jawatankuasa hendaklah menerima pakai [peraturankaedah](#) prosedurnya sendiri.
2. Jawatankuasa hendaklah melantik pegawainya untuk tempoh dua tahun.

Perkara 20

1. Jawatankuasa lazimnya akan bermesyuarat selama suatu tempoh yang tidak lebih daripada dua minggu setiap tahun supaya dapat mempertimbangkan laporan yang dikemukakan mengikut perkara 18 Konvensyen ini.
2. Mesyuarat Jawatankuasa tersebut akan, pada kebiasaannya diadakan di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau mana-mana tempat lain yang mudah diakses, sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa tersebut.

Perkara 21

1. Jawatankuasa hendaklah, melalui Majlis Ekonomi dan Sosial, melaporkan aktiviti kepada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu setiap tahun dan boleh membuat cadangan dan syor am berdasarkan penelitian laporan dan maklumat yang diterima daripada Negara-Negara Ahli. Cadangan dan syor am tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam laporan Jawatankuasa berserta komen, jika ada, daripada Negara-Negara Ahli.
2. Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan laporan Jawatankuasa itu kepada Suruhanjaya Status Wanita untuk maklumannya.

Perkara 22

Agensi khusus berhak diwakili semasa pertimbangan tentang pelaksanaan apa-apa peruntukan Konvensyen ini yang termasuk dalam skop aktiviti mereka. Jawatankuasa boleh meminta agensi khusus itu untuk mengemukakan laporan tentang pelaksanaan Konvensyen bagi bidang yang termasuk dalam skop aktiviti mereka.

BAHAGIAN VI

Perkara 23

Tiada apa-apa jua dalam Konvensyen ini boleh menyentuh mana-mana peruntukan yang lebih memudahkan pencapaian kesamarataan antara lelaki dengan wanita yang mungkin terkandung:

- (a) Dalam perundangan sesuatu Negara Ahli; atau
- (b) Dalam mana-mana konvensyen, triti atau perjanjian antarabangsa lain yang berkuat kuasa bagi Negara itu.

Perkara 24

Negara-Negara Ahli mengaku janji untuk mengambil semua langkah yang perlu pada peringkat kebangsaan yang bertujuan untuk memperoleh pencapaian hak-hak yang diiktiraf dalam Konvensyen ini dengan sepenuhnya.

Perkara 25

1. Konvensyen ini dibuka untuk penandatanganan oleh semua Negara.
2. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dilantik sebagai pemegang simpanan Konvensyen ini.
3. Konvensyen ini tertakluk kepada ratifikasi. Instrumen ratifikasi hendaklah disimpan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
4. Konvensyen ini dibuka untuk kesertaan oleh semua Negara. Kesertaan hendaklah dikuatkuasakan melalui penyimpanan instrumen kesertaan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perkara 26

1. Suatu permintaan bagi penyemakan semula Konvensyen ini boleh dibuat pada bila-bila masa oleh mana-mana Negara Ahli melalui suatu pemberitahuan secara bertulis yang ditujukan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
2. Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah memutuskan tentang langkah-langkah yang akan diambil, jika ada, berkenaan dengan permintaan sedemikian.

Perkara 27

1. Konvensyen ini akan mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh penyimpanan instrumen ratifikasi atau instrumen kesertaan yang kedua puluh disimpan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
2. Bagi setiap Negara yang meratifikasikan Konvensyen ini atau menyetujuinya selepas penyimpanan instrumen ratifikasi atau instrumen kesertaan yang kedua puluh, Konvensyen ini akan mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh penyimpanan instrumen ratifikasi atau instrumen kesertaannya sendiri.

Perkara 28

1. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan menerima dan mengedarkan kepada semua Negara teks pengecualian yang dibuat oleh Negara-Negara Ahli semasa ratifikasi atau kesertaan.
2. Pengecualian yang tidak sesuai dengan objektif dan tujuan Konvensyen ini tidak akan dibenarkan.
3. Pengecualian boleh ditarik balik pada bila-bila masa melalui pemberitahuan mengenainya yang dikemukakan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang kemudiannya akan memaklumkan semua Negara tentang perkara itu. Apa-apa pemberitahuan akan berkuat kuasa pada tarikh penerimaannya.

Perkara 29

1. Apa-apa pertikaian antara dua atau lebih Negara Ahli berkenaan dengan pentafsiran atau pemakaian Konvensyen ini yang tidak diselesaikan melalui perundingan hendaklah, atas permintaan salah satu daripada Negara-Negara Ahli itu, dikemukakan kepada timbang tara. Jika dalam tempoh enam bulan dari tarikh permintaan bagi timbang

tara kesemua Pihak tidak dapat bersetuju dengan penganjuran timbang tara itu, mana-mana satu daripada Pihak itu boleh merujuk pertikaian itu ke Mahkamah Keadilan antarabangsa atas permintaan yang selaras dengan Statut Mahkamah.

2. Setiap Negara Ahli boleh, pada masa menandatangani atau meratifikasikan Konvensyen ini atau menyetujuinya, mengisytiharkan bahawa ia tidak menganggap dirinya terikat dengan perenggan 1 perkara ini. Negara-Negara Ahli yang lain tidak akan terikat dengan perenggan itu berkenaan dengan mana-mana Negara Ahli yang telah membuat pengecualian sedemikian.

3. Mana-mana Negara Ahli yang telah membuat suatu pengecualian mengikut perenggan 2 perkara ini boleh pada bila-bila masa menarik balik pengecualian itu melalui pemberitahuan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perkara 30

Konvensyen ini, yang teks terjemahannya dalam bahasa Arab, Mandarin, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol adalah sama tulen, hendaklah disimpan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

PADA MENYAKSIKANNYA, maka penandatanganan di bawah ini, yang diberi kuasa sewajarnya, telah menandatangani Konvensyen ini.

Saya dengan ini mengesahkan bahawa teks sebelum ini ialah salinan sebenar bagi Konvensyen tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita, yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 10 Disember 1979, yang dokumen asalnya disimpan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bagi pihak Setiausaha Agung,
Penasihat Undang-Undang
(Setiausaha Agung Bahagian bagi Hal Ehwat Undang-Undang)

Hans Corell

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York
11 Disember 1995